

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569



STATISTIK PELAKSANAAN OPS KESAN 2.0 SUSULAN PENYASARAN SUBSIDI DIESEL

PUTRAJAYA, 12 JUN 2024 – OPS KESAN 2.0 telah dilancarkan sebagai persiapan kepada pelaksanaan penyasaran subsidi diesel bermula pada 8 Jun 2024. Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah membuat persediaan rapi bagi menangani sebarang aduan terhadap mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah terutama kepada mereka yang telah mendapat manfaat dari penyasaran subsidi diesel dan juga kepada peniaga yang sememangnya tidak layak menerima subsidi diesel sebelum pelaksanaannya.

Selepas pengumuman penyasaran subsidi diesel diumumkan pada 10 Jun 2024, sebanyak 23 aduan telah diterima, 3 kertas siasatan telah dibuka serta sejumlah 191 Notis telah dikeluarkan susulan pemeriksaan ke atas 346 premis sehingga 12 Jun 2024 di seluruh negara.

KPDN ingin mengingatkan khususnya para peniaga bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau syarikat yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 demi menjaga dan melindungi hak pengguna.

Bagi sebarang kenaikan harga yang tidak munasabah berikutan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel, orang ramai boleh mengemukakan sebarang maklumat dan aduan melalui talian khas OPS KESAN 2.0 iaitu 012-6654292. Selain talian khas tersebut, orang ramai juga boleh menyalurkan aduan yang lengkap dan tepat kepada pihak Kementerian melalui saluran-saluran berikut:

- i. WhatsApp 019-279 4317/019-848 8000;
- ii. Portal e-Aduan KPDM iaitu <http://eaduan.kpdn.gov.my>;
- iii. Call Centre 1-800-886-800; dan
- iv. Aplikasi Telefon Pintar Ez ADU KPDM.

YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###